

Terengganu tiada hak dapat royalti minyak:

Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin

27 JUN 2000
- Terengganu serta negeri lain di Semenanjung tidak berhak menikmati royalti minyak, kecuali di Sabah dan Sarawak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak ada hak bagi Terengganu mendapat royalti sementara Sabah dan Sarawak memang berhak daripada awal lagi," kata Perdana Menteri mengulas laporan berhubung pembayaran royalti minyak sebanyak RM810 juta kepada Terengganu tahun ini yang dikatakan dipersetujui Kerajaan Pusat.

Laporan itu memetik sumber sebagai berkata Kerajaan Pusat bersetuju membayar royalti itu walaupun kajian terperinci menunjukkan Terengganu tidak mempunyai sebarang hak ke atasnya.

Jumlah royalti itu dikatakan 75 peratus lebih tinggi daripada apa yang diberi ketika negeri itu diperintah kerajaan Barisan Nasional (BN). Tahun lalu, kerajaan Terengganu, yang kini dikuasai Pas, dibayar RM426 juta.

Pada sidang akhbar kembalinya dari Mesir dan Itali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dekat sini, Dr Mahathir bagaimanapun berkata kerajaan perlu mengkaji dulu apakah hak Terengganu untuk mendapat royalti minyak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meneliti sama ada royalti minyak itu menjadi sebahagian daripada perjanjian dengan Terengganu sebelum ini.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan juga mahu mengkaji semula peruntukan undang-undang berhubung pembayaran royalti minyak.

Dr Mahathir berkata keuntungan Petronas tahun ini memang lebih tinggi, tetapi royalti kepada Terengganu perlu dikaji semula.

Katanya, pada mulanya kerajaan bersetuju membayar royalti itu kerana Terengganu adalah negeri termiskin dan percaya jumlah yang akan diperolehi negeri itu mungkin tidak lebih RM50 juta.

"Tetapi sekarang ini kerana pengurusan Petronas yang begitu baik, maka jumlah royalti ini sudah meningkat," katanya.

Ditanya sama ada akan timbul masalah jika pembayaran royalti itu tidak diteruskan, Dr Mahathir berkata: "Undang-undang adalah undang-undang.

"Kita akan sediakan wang itu...kalau pun bukan secara royalti, kita boleh bagi bantuan secara peruntukan khas atau lain-lain."

Bagaimanapun, tegasnya, Kerajaan Pusat akan mengaudit perbelanjaan daripada royalti minyak oleh negeri-negeri penerima termasuk Terengganu bagi memastikan wang itu tidak disalahgunakan.